

PENGGUNAAN POWERPOINT DALAM PENAMBAHAN HURUF ALIF (ا) PADA AKHIR PERKATAAN DALAM KVK+KV

Oleh

MOHAMMAD RUZAINI BIN BASRAH
wonka8910@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji kesan penggunaan PowerPoint dalam membantu empat orang murid Tahun Lima menguasai penulisan Jawi yang melibatkan penambahan huruf Alif (ا) pada akhir perkataan KVK+KV. Kajian ini telah dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Pahlawan (bukan nama sebenar) di Kuching, Sarawak. Data dikumpulkan melalui kaedah soal selidik, temu bual, pemerhatian, serta ujian pra dan ujian pasca. Hasil analisis data mendapati keempat-empat peserta kajian menunjukkan peningkatan markah yang ketara dalam ujian pasca.. Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan PowerPoint sangat berkesan dalam membantu murid yang keliru dengan penambahan huruf Alif (ا) disamping memupuk rasa minat murid terhadap pelajaran Jawi. Adalah diharapkan dengan terhasilnya kajian ini nanti akan memberi manfaat kepada para guru dalam pengajaran mereka, dan kepada barisan penggubal kurikulum agar menjadikannya salah satu model pengajaran dan pembelajaran kepada guru-guru di sekolah.

Kata kunci : PowerPoint, ujian pra dan pasca soal selidik, temu bual, pemerhatian,

ABSTRACT

This study was carried out to investigate the effect of using PowerPoint in helping four Standard Five students to master Jawi writing which involved the addition of Alif (ا) at the end of the KVK+KV words. The study was conducted in Sekolah Kebangsaan Pahlawan (not the real name) Kuching, Sarawak. The data was collected through questionnaire, interview, observation, pre-test and post-test. The data analysis found out that the four participants have shown a significant improvement on their post-test marks. Hence, the findings have shown that the use of PowerPoint is effective in helping the students who were confused by the addition of Alif (ا) while fostering their interest in education of Jawi. The findings of this study is intended to benefit teachers in their teaching, and to the curriculum developer as to make it one of the models of teaching and learning for teachers in schools.

Keywords: PowerPoint, pre-test and post-test, questionnaire, interview, observation.

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang dan telah menjalani praktikum di SK Pahlawan (bukan nama sebenar). Saya telah diberikan amanah untuk mengajar kelas semua Kelas Tahun 5 iaitu kelas 5 Cemerlang, Bestari, Arif, Dedikasi dan Inovatif. Kelas Cemerlang dan
*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

Bestari telah digabung menjadi satu kelas. Begitu juga dengan kelas Arif dan Dedikasi.

Kami telah diberikan tugas untuk menghasilkan satu penyelidikan tindakan pada akhir semester ini. Saya telah memilih bidang pelajaran Jawi sebagai fokus utama kajian saya. Tulisan Jawi merupakan tulisan yang digunakan pada zaman dahulu dan merupakan khazanah berharga bangsa Melayu yang agung dan harus dijaga keaslian dan keunikannya. Oleh itu, besarlah tanggungjawab saya sebagai seorang guru untuk mengembangkan ilmu tulisan Jawi kepada generasi pada masa kini. Tajuk kajian saya ialah Penggunaan PowerPoint Dalam Penambahan huruf Alif (ا) pada Akhir Perkataan dalam KVK+KV.

Saya telah mendapat idea untuk menggunakan perisian PowerPoint daripada Norma Hassan (2004) yang mengatakan bahawa 97% pelajar lebih cenderung memilih bahan video, TV atau komputer sebagai pilihan utama mereka. Oleh itu, saya merasakan satu peluang untuk mengkaji keberkesanan komputer sebagai bahan bantu mengajar untuk kajian ini. Oleh itu, saya telah mengambil keputusan untuk melaksanakan kajian ini dengan menggunakan PowerPoint sebagai pembolehubah.

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan kepada apa yang telah diperhatikan dan melakukan perbincangan secara formal bersama dengan guru pembimbing, saya telah membuat keputusan untuk membuat satu kajian yang berkaitan dengan kemahiran menulis perkataan yang mempunyai suku kata tertutup dan diakhiri dengan suku kata terbuka huruf Alif (ا). Hal ini adalah kerana mereka mempunyai masalah dalam kemahiran menulis. Kelemahan murid ialah tidak dapat mengenal pasti dan keliru penggunaan huruf Alif pada suku kata KVK+KV kecuali jika suku kata terbuka diakhiri dengan huruf Kaf (ك) dan Ga (گ). Dalam penulisan Jawi jika perkataan tersebut diakhiri dengan huruf yang berkenaan maka tidak perlu ditambah Alif. Kelemahan murid untuk menambah huruf Alif pada akhir kata suku kata tertutup terbuka telah mendorong saya untuk menghasilkan kajian ini. Contoh suku kata jenis yang dimaksudkan ialah seperti "carta", "terma", "timba" dan sebagainya. Pada pendapat saya, ini merupakan kesalahan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang murid Tahun 5.

Fokus Kajian

Fokus kajian saya ialah untuk meningkatkan kefahaman murid menulis perkataan yang mempunyai suku kata tertutup dan diakhiri dengan suku kata terbuka Alif (ا). Kita sudah sedia maklum bahawa suku kata tertutup ialah suku kata yang diakhiri dengan huruf konsonan manakala suku kata terbuka ialah suku kata yang diakhiri dengan huruf vokal. Akan tetapi, suku kata terbuka vokal yang saya fokuskan di sini hanya huruf Alif (ا) atau dalam tulisan rumi huruf A. Contoh perkataan ialah 'tinta', 'timba', bangga dan sebagainya. Pengejaan perkataan ini sangat rumit dan memerlukan pemahaman yang baik agar kita tidak terkeliru dengan kaedah Jawi lama.

Dalam kajian ini, tumpuan telah diberikan kepada murid Tahun 5 Sekolah Pahlawan (bukan nama sebenar) di Kuching Sarawak. Untuk pengetahuan anda semua, kelas Tahun 5 merupakan kelas yang saya ajar untuk praktikum lepas. Berdasarkan
*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

pemerhatian dan penilaian yang saya jalankan, mereka masih lemah dalam menulis perkataan jawi yang melibatkan menulis perkataan yang mempunyai suku kata tertutup dan diakhiri dengan suku kata terbuka Alif (ا). Secara keseluruhan, saya hanya dapat memberikan markah secara lisan 4/10. Semasa subjek Jawi diajar, kebanyakan murid tidak dapat menulis jawi dengan baik terutamanya kelas yang tercorot. Pada pengajaran yang lepas, saya telah meminta murid untuk membina jenis-jenis ayat yang telah dipelajari contohnya ayat Nafi dan ayat Tanya pada papan putih, saya mendapati mereka tidak dapat menulis perkataan jawi dengan baik. Malah ada yang meminta untuk menulis dalam tulisan rumi. Selain itu, mereka juga meminta bantuan daripada saya bagaimana untuk menulis perkataan dalam tulisan Jawi.

Kajian ini bersesuaian dengan pendapat Thomas (1996) dalam buku Jamalludin Hasan dan Zaidatun Tasir (2003) yang menyatakan penggunaan elemen-elemen multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dapati mampu menarik minat pelajar supaya mereka tidak merasa bosan dan dapat memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap proses pembelajaran.

Bil	Rumi	Jawi
1	Carta	كارتا ✓
2	Hamba	هامبا ✓
3	Hampa	هامبا ✓
4	Bangga	بانغا ✓
5	Kerja	كيرا ✓
6	Minta	ميتا ✓

4/6

Rajah 1.1 : Hasil jawapan Ana pada ujian Pra

Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk:

- Mengenal pasti tahap keberkesanan amalan penyelidikan melalui Penggunaan Power Point Dalam Penambahan huruf Alif (ا) pada Akhir Perkataan dalam KVK+KV.
- Mengenal pasti tahap pencapaian murid dalam menambah huruf Alif pada akhir perkataan dalam KVK+KV dengan tepat melalui penggunaan PowerPoint.
- Mengenal pasti tahap minat murid terhadap pembelajaran Jawi melalui penggunaan PowerPoint.

Persoalan Kajian

- a) Adakah penggunaan PowerPoint dalam penambahan huruf Alif (ا) pada akhir perkataan dalam KVK+KV berkesan dalam mengubah amalan pengajaran penyelidik?
- b) Adakah penggunaan PowerPoint dapat meningkatkan tahap pencapaian murid dalam menambah huruf Alif (ا) pada akhir perkataan dalam KVK+KV dengan tepat melalui penggunaan PowerPoint?
- c) Sejauh mana penggunaan PowerPoint dalam pengajaran Jawi dapat menarik minat murid terhadap pelajaran Jawi.

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Menurut Heinich, Molenda dan Rusell (1993) dalam Rohana Abdul Wahab (2006) banyak perisian komputer boleh digunakan dalam setiap aspek pendidikan. Sementara itu mengikut kajian yang telah dijalankan Oleh Diamond, Theimer, Charp, Howell, (1971) Hess dan Tenezakis, (1973). Pengajaran berbantuan komputer yang dirancang dengan teliti mampu mempertingkatkan dan merubah sikap murid.

Menurut Bates and Laudrup (2006), kajian yang dijalankan telah menunjukkan 48.5% responden menyatakan penggunaan TM di dalam kelas adalah sangat bermanfaat. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan TM dalam pendidikan membawa kesan yang positif kepada murid.

Pelaksanaan Tindakan

Untuk memulakan kajian, satu penerangan dilaksanakan dengan berbantuan PowerPoint. PowerPoint akan disediakan, penerangan tentang pengajaran KVK+KV akan diterangkan secara terperinci dan jelas. Penggunaan huruf Alif samada ditambah atau tidak juga diterangkan. Penggunaan simbol-simbol seperti 'Back', Home', dan 'Next' dipaparkan pada slaid PowerPoint untuk menjadikannya lebih menarik dan memudahkan pengajaran dilaksanakan dengan lancar. Selain itu, animasi dan sistem audio diselitkan pada PowerPoint sebagai salah satu tarikan murid untuk belajar akan tetapi terkawal dan tidak berlebih-lebihan sehingga boleh mengganggu fokus murid terhadap pembelajaran untuk menghasilkan suasana yang menarik dan ceria. Penggunaan warna yang menarik dan sesuai pada PowerPoint juga dititikberatkan. Sebelum set induksi dijalankan, penyelidik memperlihatkan video jenaka untuk menarik murid mengalih tumpuan murid kepada topik pengajaran.

Berkenaan dengan fokus kajian, iaitu penambahan huruf Alif pada akhir perkataan berpola KVK+KV penerangannya adalah seperti berikut. Dalam perkataan berpola KVK+KV, huruf Alif mesti ditambah pada akhir perkataan kerana jika tidak ditambah akan menghasilkan maksud yang lain. Pola perkataan yang saya khususkan dalam kajian ini hanyalah pola KVK+KV. Jika vokal Alif itu didahului suku kata terbuka yang menggunakan selain daripada (ا) dan (e) pepet atau didahului suku kata tertutup, maka ia mesti dilambangkan dengan huruf Alif kecuali huruf konsonan yang mendahuluinya huruf (ك) dan (ق) maka ia tidak menggunakan huruf ا. Contoh perkataan yang menggunakan huruf Ga (گ) ialah Bangsa. Pada perkataan ini, huruf (ا) tidak perlu ditambah pada akhir perkataan.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Saya telah memilih empat orang murid iaitu tiga orang lelaki dan seorang perempuan. Tiga orang murid adalah dari kelas 5 Dedikasi manakala seorang lagi adalah daripada 5 Arif. Saya memilih murid ini berdasarkan ujian diagnostik yang telah saya jalankan ke atas 48 orang murid dari kedua-dua kelas tersebut Berdasarkan kepada ujian diagnostik yang dijalankan saya mendapati murid-murid ini keliru dalam penggunaan huruf Alif. Kajian ini hanya untuk perkataan Jawi KVK+KV sahaja.

Etika Penyelidikan

Etika penyelidikan telah dibentuk untuk melindungi hak peserta. Isu-isu etika ini sangat penting dalam penyelidikan sebagai panduan untuk melengkapkan setiap kajian yang telah dijalankan. Kegagalan saya yang tidak mengamalkan etika yang sebenar akan merosakkan reputasi penyelidikan sosial dan menggugat kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dilakukan. Tingkah laku beretika perlu kerana kajian yang dijalankan adalah ke atas manusia sebagai subjek dan mempunyai kaitan langsung dengan kehidupan subjek yang dikaji. Elemen penting dalam etika ialah bahasa, perasaan peserta, berterus terang dengan peserta, mengutarakan data dengan tepat dan menjaga kerahsiaan peserta.

Saya juga telah memaklumkan kepada guru pembimbing saya, Ustazah Fatmah (bukan nama sebenar) bagi menjalankan kajian ini. Saya telah membuat perbincangan bersama beliau tentang pelan penyelidikan tindakan dan beliau menunjukkan minat untuk membantu dalam penyelidikan ini.

Saya telah mengedarkan sepucuk surat persetujuan penyertaan kepada peserta kajian untuk mendapat kebenaran daripada mereka. Dalam proses mengadakan perjanjian dengan peserta kajian, saya telah memberikan penerangan kepada peserta tentang pelaksanaan kajian saya. Hal ini bertujuan memastikan peserta memahami kehendak saya dalam menjalankan kajian ini.

Tujuan penyelidikan ini bertujuan untuk membantu mereka menguasai penulisan Jawi dalam penggunaan huruf Alif pada perkataan berpola KVK+KV dengan baik. Saya telah membuat sesi temubual bersama murid, dan mengedarkan kertas ujian kepada mereka semasa dalam kajian. Saya juga tidak mendedahkan maklumat dan data yang dikumpul dalam kajian ini dengan menggunakan bukan nama sebenar. Mereka dibenarkan menarik diri pada bila-bila masa dalam tempoh penyelidikan tindakan ini. Penarikan diri daripada kajian ini tidak akan membawa kesan kepada mereka dan peserta tidak perlu bimbang tentang penyelidikan ini.

Kajian ini melibatkan pihak lain iaitu rakan praktikum, sebelum saya melaksanakan penyelidikan ini, saya telah memaklumkan tentang pelaksanaan kajian ini agar mereka boleh membantu saya jika diperlukan. Rakan praktikum saya membantu saya secara sukarela.

Teknik Mengumpul Data

Ujian Pra dan Pasca

Dalam ujian ini, murid akan diuji sebelum penggunaan PowerPoint dijalankan pada ujian Pra. Kelemahan mereka dalam ujian pra akan menjadi aras untuk saya melaksanakan pengajaran berbantuan PowerPoint sebelum pelaksanaan ujian Pasca. Selepas saya menggunakan PowerPoint dalam sesi P&P, saya telah menjalankan ujian Pasca untuk melihat tahap pencapaian murid. Pencapaian dan perubahan yang berlaku akan dianalisis melalui jadual yang telah disediakan.

Soal selidik

Saya telah menggunakan soal selidik untuk mengenal pasti tahap keberkesanan amalan pengajaran saya serta persepsi minat murid terhadap pembelajaran Jawi. Skala Pemeringkatan Likert telah dijadikan sebagai panduan untuk menghasilkan soal selidik tersebut. Data-data diambil dan dianalisis mengikut persoalan yang diutarakan.

Borang Pemerhatian

Pada borang ini dicatatkan data-data yang diperoleh melalui pemerhatian yang dijalankan ke atas peserta kajian sepanjang saya menjalankan sesi P&P. Bagi menjamin kebolehpercayaan data yang diperoleh, aktiviti pemerhatian ini dijalankan oleh guru pembimbing.

Temu Bual

Temu Bual antara saya dengan peserta dan antara saya dengan guru pembimbing diadakan sebelum dan selepas penggunaan PowerPoint. Temu Bual dimasukkan ke dalam sebuah transkrip dan tema akan dikeluarkan daripada transkrip tersebut. Tema akan dianalisis dan dijadikan bahan bukti untuk kajian ini.

Teknik Analisis Data

Ujian Pra dan Pasca

Untuk menganalisis data, saya telah menyemak dan memberikan markah dalam ujian pra yang telah dilaksanakan. Daripada markah ujian tersebut, saya telah memasukkan data tersebut ke dalam bentuk jadual. Selain itu, saya telah menghasilkan satu graf untuk menunjukkan perbezaan prestasi peserta sebelum penggunaan PowerPoint dan selepas penggunaannya. Ujian pasca dianalisis dan dimasukkan ke dalam jadual.

Pemerhatian

Untuk menganalisis data daripada rekod pemerhatian, saya telah menganalisis data senarai semak guru dan murid. Kesemua data akan dimasukkan ke dalam satu jadual yang menunjukkan perbezaan sebelum dan selepas penggunaan PowerPoint dijalankan. Data dianalisis dan diberikan huraian untuk membuktikan kajian saya ini.

Soal selidik

Hasil soal selidik yang dijalankan akan dimasukkan ke dalam satu jadual untuk menunjukkan perbezaan antara sebelum dan selepas penggunaan PowerPoint. Setiap perubahan yang berlaku dianalisis dan dihuraikan bagi mengetahui sejauh mana perkembangan murid sepanjang kajian berlangsung. Kesemua item dibahagikan mengikut persoalan yang dinyatakan.

Temu bual

Selepas temu bual dijalankan, saya telah menulis semula hasil temu bual dalam satu transkrip. Saya menulis transkrip dengan bantuan perakam suara. Daripada transkrip tersebut, saya akan membahagikan data kepada tiga tema.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Terdapat perubahan dalam amalan pengajaran penyelidik.

Untuk mengukuhkan lagi persoalan ini, saya telah meminta guru pembimbing untuk membuat rekod pemerhatian terhadap amalan pengajaran saya dan hasil maklum balas daripada guru pembimbing menunjukkan komen yang positif berbanding semasa saya menggunakan kaedah 'Chalk and Talk'. Guru pembimbing menyatakan rasa puas hati dan gembira dengan kemajuan dan perubahan yang telah dicapai semasa sesi pembelajaran iaitu semasa penyelidik menggunakan PowerPoint sebagai bahan bantu mengajar. Hasil daripada pemerhatian yang dijalankan banyak komen yang baik diterima kepada saya.

Catatan pemerhatian yang direkodkan oleh guru pembimbing pada Jadual 1 menunjukkan perbandingan item 1-3 rekod pemerhatian sesi P&P pada 2 Julai 2012 dan 10 Julai 2012. Rekod pemerhatian menunjukkan terdapat perubahan amalan pengajaran saya dan guru pembimbing telah memberikan komen yang baik dalam ruangan ulasan.

Jadual 1: Perbandingan antara 02 Julai dan 10 Julai 2012

BIL	ITEM FOKUS	02 Julai	10 Julai
1	Guru menjelaskan penggunaan huruf Alif dengan betul.	×	√
2	Guru memberikan contoh perkataan yang sesuai dengan perkara yang diajar	X	√
3	Guru memberikan bimbingan berkenaan penggunaan huruf Alif pada akhir perkataan dengan berkesan.	√	√

Berdasarkan temu bual, guru pembimbing mengakui keberkesanan amalan pengajaran saya melalui kata-kata beliau;

“Kamek merasakan satu tindakan yang bijak telah kitak polah untuk kajian tuk”

Selain itu, beliau telah mengakui perubahan yang telah berlaku kepada saya dalam sesi P&P. Beliau gembira dengan perubahan yang saya lakukan untuk menghasilkan satu pengajaran yang berkesan melalui kata-kata beliau :

“Sebabnya kitak telah dapat meningkatkan tahap pengajaran kitak daripada memuaskan kepada tahap yang baik”

Kesimpulannya, saya dapat mengubah amalan pengajaran saya ke tahap yang lebih baik daripada sebelum ini.

Mousa Daia(1992) berpendapat bahawa seseorang guru mesti mempunyai kemahiran yang cukup dalam menggunakan kaedah yang berbeza. Oleh itu, kepelbagaian kaedah dalam mengajar telah diterapkan dalam kajian ini. Selain itu, pendekatan ini turut mengubah strategi P&P yang berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Murid-murid dapat mengalami sendiri pengalaman belajar yang menyeronokkan atas usaha sendiri tanpa perlu mengharap bantuan sepenuhnya daripada guru. Shahril (2005) mengatakan guru di sekolah yang dikaji mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya pengajaran guru itu menyeronokkan, dan dapat menarik minat pelajar untuk terus belajar.

Merujuk kepada jadual 2, penggunaan PowerPoint telah banyak memberikan perubahan kepada amalan pengajaran dan saya telah berjaya menghidupkan suasana pembelajaran yang ceria dan kondusif semasa sesi pengajaran. Perubahan amalan pengajaran saya dapat dibuktikan dengan kaedah soal selidik yang telah diberikan kepada peserta kajian dan hasil maklum balas menunjukkan hasil yang positif kepada saya.

Item 1, 2,3,dan 4 adalah hasil bukti yang menunjukkan bahawa penggunaan PowerPoint telah dapat mengubah amalan pengajaran saya. Pada item yang pertama seramai tiga orang murid memberi skala empat dan seorang memberi skala lima. Hal ini membuktikan amalan pengajaran saya berkesan dan mampu memberikan impak yang tinggi dalam amalan pengajaran. Manakala pada item yang ketiga murid telah bersetuju bahawa saya telah berjaya menghidupkan suasana pembelajaran yang baik melalui kaedah ini.


Item keempat pula menunjukkan tiga orang murid memberi skala lima kepada saya dan seorang memberi skala empat. Bukti ini menunjukkan bahawa penggunaan PowerPoint telah dipersetujui oleh peserta sebagai kaedah yang perlu diteruskan oleh saya dalam mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 2 Maklum balas peserta kajian terhadap keberkesanan amalan pengajaran saya.

BIL	ITEM	1	2	3	4	5
		Bilangan (orang)				
4.	Penggunaan alat bantu mengajar (PowerPoint) menarik minat saya untuk menjawab Jawi	-	-	-	3	1
6.	Penggunaan alatan (PowerPoint) membantu saya meningkatkan kefahaman dalam penulisan Jawi.	-	-	-	3	1
9.	Guru mata pelajaran Jawi saya berjaya menghidupkan suasana pembelajaran melalui kaedah ini.	-	-	-	1	3
12.	Kaedah ini sesuai dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi.	-	-	-	1	3

Pencapaian murid dapat ditingkatkan dalam menambah huruf Alif pada akhir perkataan dalam KVK+KV.

Selepas penggunaan PowerPoint, pencapaian murid dapat ditingkatkan pada keempat-keempat peserta kajian. Pada peringkat awal, peserta keliru dengan penggunaan huruf Alif pada akhir kata pada suku kata berpola KVK+KV. Mereka masih keliru sama ada menambah huruf Alif atau tidak jika suku kata didahului dengan huruf Kaf (ك) dan Ga (ض).. Perubahan ketara dilihat selepas ujian Pasca dijalankan, peserta dapat meningkatkan pemahaman mereka melalui pengajaran berbantuk PowerPoint. Rajah menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh Ana dalam Ujian Pra



Rajah 1 : Hasil kerja Ana

Merujuk kepada Jadual 1, menunjukkan bahawa pencapaian keempat-empat peserta meningkat secara konsisten. Jadual menunjukkan Harun mendapat semua betul dalam ujian pasca dan meningkat kepada 84% berbanding sebelum ini yang hanya mendapat satu sahaja betul. Peratusan markah Salim dan Bachik masing-masing menokok kepada 67% selepas ujian Pasca setelah mendapat dua betul pada ujian Pra. Ana pula menunjukkan pencapaian yang cemerlang selepas peratusan menokok kepada 100% setelah tidak dapat menjawab semua soalan pada ujian Pra.

Jadual 3: Perbandingan Markah ujian Pra dan Pasca.

Bil	Peserta kajian	Pra (_ / 6)	Pasca (_ / 6)	Peningkatan %
1	Harun	1/6	6/6	84
2	Salim	2/6	6/6	67
3	Bachik	1/6	5/6	67
4	Ana	0/6	6/6	100

Bagi membolehkan pembelajaran berkesan berlaku pelajar perlu mengambil bahagian yang aktif dalam pembelajaran bukan menyerap maklumat secara pasif (Woolnough,1994). Ternyata penggunaan PowerPoint telah berjaya dan kajian ini boleh dilanjutkan dan memberikan implikasi yang sangat besar dalam dunia pendidikan.

Melalui temu bual bersama peserta kajian, pengajaran saya lebih mudah difahami oleh murid. Murid tidak berasa bosan dan seronok belajar secara interaktif. Ini dijelaskan melalui temu bual saya dengan Salim pada 11 Julai 2012.

Saya : *Best* tak ustaz ajar menggunakan PowerPoint semalam?

Salim : Mestilah *best* ustaz.

Saya : Senang ke nak faham apa yang ustaz ajar semalam?

Salim : Senang ustaz.

Saya : Ustaz tanya satu soalan, camni menulis perkataan “bangga”? perlu ditambah Alif atau sik?

Salim : em, sik...hehehe (sambil ketawa)

(Transkrip temu bual antara saya dengan Salim, 11 Julai 2012)

Penggunaan PowerPoint banyak membantu empat orang murid saya dalam menguasai topik ini. Murid tidak lagi keliru samada ditambah Alif atau tidak pada perkataan KVK+KV. Salim telah menunjukkan prestasi yang baik dan faham terhadap topik pembelajaran.

Pada rajah 2, Ana dan Salim telah menjawab soalan dengan betul. Mereka tidak lagi terkeliru dengan penggunaan huruf Alif pada suku kata KVK+KV pada akhir kata.

Bil	Rumi	Jawi
1	Bonda	بوندو ✓
2	Sangga	سنگگ ✓
3	Terma	ترمما ✓
4	Tangga	تنگگا ✓
5	Ronta	رونٹا ✓
6	Lingga	لینگگا ✓

Rajah 2 : Ujian pasca, Ana dan Salim dapat menjawab dengan betul

Minat murid dapat ditingkatkan dengan pengajaran menggunakan PowerPoint.

Berdasarkan kepada soal selidik yang telah dijalankan, minat murid semakin meningkat dan mereka menyatakan bahawa penggunaan PowerPoint telah meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran Jawi. Dapatan ini dibuktikan melalui jadual soal selidik berikut. Jadual 3 menunjukkan skala yang telah diberikan oleh peserta kajian berkenaan dengan minat mereka dalam pelajaran Jawi setelah mengikuti pembelajaran menggunakan PowerPoint. Minat peserta meningkat dan mereka menyatakan secara jelas bahawa penggunaan PowerPoint telah mengubah persepsi mereka terhadap sesi pembelajaran. Selain itu, mereka tampak lebih berkeyakinan ketika mengikuti sesi pembelajaran.

Jadual 4 : Minat murid terhadap pelajaran Jawi

BIL	ITEM	1 2 3 4 5				
		Bilangan (orang)				
1.	Saya sangat meminati mata pelajaran Jawi.	-	-	-	3	1
4.	Penggunaan alat bantu mengajar (Power Point) menarik minat saya untuk menjawab Jawi.	-	-	-	3	1
5.	Adakah anda bersetuju mata pelajaran Tulisan Jawi subjek yang sukar?	1	2	1	-	-
7.	Penggunaan alatan (PowerPoint) menjadikan saya lebih berminat dalam sesi pembelajaran.	-	-	-	2	2
10.	Pemahaman dalam aktiviti ini akan menjadikan saya lebih berkeyakinan dan rajin.	-	-	-	3	1

Crow dan Crow (1986), dalam Ismail Abd. Hamid, (1999) menyatakan minat sebagai punca kepada sesuatu kegiatan dan hasil dari penyertaan dalam kegiatan itu. Oleh itu minat yang sedia ada pada seseorang disertai dengan motivasi, akan meningkatkan daya usahanya untuk mempertingkatkan lagi minat dalam sesuatu perkara. Kenyataan ini menyokong hasil kajian ini bahawa penggunaan PowerPoint merupakan punca tercetusnya minat dalam diri seseorang.

Selain itu, menurut Ford (1982) yang menyatakan melalui penggunaan alat bantu mengajar yang pelbagai, pembelajaran secara interaktif akan menarik minat, perhatian para pelajar, dan menimbulkan rasa ingin tahu yang mendalam. Oleh itu, adalah menjadi tugas guru untuk menggunakan bahan bantu mengajar untuk memberikan pemahaman yang jelas kepada pelajar tentang apa yang dipelajari.

Daripada item 8 dan 9, guru pembimbing telah berpuas hati dan bersetuju saya telah berjaya menarik minat murid untuk mengikuti sesi pembelajaran Jawi. Jika kita lihat pada tarikh 02 Julai 2012. Guru tidak berpuas hati dengan keadaan pada masa tersebut kerana murid tidak memberikan perhatian semasa saya mengajar dan kawalan kelas tidak memuaskan. Ternyata penggunaan PowerPoint pada sesi pembelajaran bertarih 10 Julai 2012 amat berkesan dalam meningkatkan minat dan komitmen peserta semasa sesi P&P berlangsung. Peserta juga segeran mengangkat tangan jika saya mengajukan soalan atau membina perkataan Jawi berpola KVK+KV.

Jadual 5 : Rekod pemerhatian

BIL	ITEM FOKUS	02 Julai	10 Julai
8	Murid memberikan komitmen yang tinggi dan aktif semasa sesi pembelajaran Jawi.	×	√
9	Murid menunjukkan minat pembelajaran Jawi	X	√

Hasil temubual yang dijalankan bersama guru pembimbing, guru pembimbing menyatakan bahawa penggunaan PowerPoint ternyata dapat meningkatkan minat murid terhadap sesi P&P. perubahan juga berlaku kepada sikap dan tingkahlaku murid. Berikut adalah antara kata-kata beliau semasa temubual :

*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

“pasya dapat dilihat dakyta menunjukkan minat terhadap apa yang kitak ajar.”

“kamek dapat lihat perubahan dari segi tingkah laku murid”

Keberkesanan pengajaran telah mencetus minat murid untuk belajar. Mereka tidak berasa bosan dengan pembelajaran yang diajar kerana mereka belajar lebih santai dan interaktif. Guru pembimbing telah menyatakan bahawa terdapat perubahan tingkah laku yang berlaku pada peserta kajian dan minat peserta semakin meningkat berbanding sebelum ini.

Refleksi Penilaian tindakan

Pengalaman menghasilkan penyelidikan tindakan ini telah membawa saya ke satu dimensi baharu dalam profesion keguruan. Kajian ini memberikan saya semangat baharu untuk mengkaji lebih banyak persoalan yang berkaitan dengan isu dan amalan pengajaran masa kini. Bimbingan daripada pensyarah sangat berkesan dan mudah difahami untuk menyiapkan kajian ini.

Pelaksanaan kajian ini bermula dengan menghasilkan satu kertas cadangan yang bertujuan sebagai panduan ketika kajian berlangsung. Saya telah mendapat bantuan daripada pensyarah pembimbing, guru-guru dan rakan-rakan. Saya amat berterima kasih atas bantuan yang diberikan. Dalam tempoh pelaksanaan, saya memastikan apa yang telah dirancang dilaksanakan dengan baik dan sentiasa membuat perbincangan bersama pensyarah dan guru bagi tujuan penambahbaikan.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Setelah melaksanakan kajian tindakan ini, saya mengetahui bahawa penggunaan PowerPoint memang banyak membantu murid dalam menyelesaikan penulisan Jawi. Nor Nazirawati @ Nur Izzati Anang (2011) menyatakan bahawa penggunaan animasi dan interaktif dapat meningkatkan minat murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, penggunaan grafik yang terdapat pada PowerPoint telah dapat meningkatkan kepekaan murid terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan PowerPoint mudah difahami dan digunakan oleh setiap guru.

Sebagai seorang guru, kita tahu bahawa murid-murid adalah pelanggan kita. Kita perlu memastikan mereka mendapat manfaat yang paling maksima daripada kita. Murid-murid sering keliru dengan penambahan huruf Alif pada suku kata berpola KVK+KV. Persembahan PowerPoint dilaksanakan bagi membantu saya dalam melaksanakan penyelidikan tindakan ini.

Penggunaan PowerPoint adalah suatu perkara yang membawa perubahan dalam dunia pendidikan. Kenyataan ini menyokong pendapat Rohana Abdul Wahab (2006) yang menyatakan bahawa ledakan teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini telah banyak membawa perubahan dalam sektor pendidikan. Masih jarang guru yang menggunakan PowerPoint sebagai salah satu cara penyampaian dalam sesi P&P mereka. Hal ini sepatutnya tidak berlaku kerana kemudahan sudah disediakan pada masa sekarang. Pihak kementerian sentiasa menggesa kepada guru agar menggunakan kemudahan yang ada sebagai medium pengajaran. Dalam kajian ini menunjukkan respons daripada murid yang agak memberangsangkan dan murid memberi perhatian yang baik semasa sesi P&P berlangsung. Oleh itu,

kaedah ini akan menjadi amalan kepada saya dalam membantu murid-murid yang lemah dalam pengajaran dan pembelajaran saya pada masa akan datang.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Kajian telah berjaya membawa perubahan yang positif kepada amalan pengajaran guru, keberkesanan PowerPoint dalam membantu peserta memperbaiki kesalahan dalam kemahiran menulis Jawi, saya berhasrat untuk memperkembangkan kajian ini kepada peringkat yang lebih luas. Saya ingin mengaplikasikan penggunaan PowerPoint kepada penulisan suku kata KV+KV, KVK+KVK dan sebagainya. Selain itu, penggunaan PowerPoint juga boleh diaplikasikan terhadap pembelajaran Sirah, Tilawah Al-Quran dan Akidah. Murid-murid dapat memupuk rasa cinta terhadap subjek Pendidikan Islam dan sekaligus mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Nor Nazirawati @ Nur Izzati Anang (2004) menyatakan bahawa penggunaan animasi dan interaktif dapat meningkatkan minat murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dapat dijadikan satu loncatan untuk menghasilkan satu penyelidikan pada masa akan datang. Kajian yang seterusnya saya boleh jalankan di sekolah yang akan saya ajar nanti. Dengan pengalaman menghasilkan penyelidikan tindakan ini diharap dapat membantu saya dalam melaksanakan kajian tindakan yang akan datang. Diharap dengan kajian ini juga, minat murid terhadap Pendidikan Islam dapat ditingkatkan.

RUJUKAN

- Ismail Abd. Hamid (1999). *Minat Matematik Bagi Murid-murid di Sebuah-Sekolah di Daerah Kulai, Johor*. Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Jamalludin Hasan & Zaidatun Tasir (2003) *Multimedia Dalam Pendidikan*, PTS Publication, Bentong
- Kamaruddin Hj Husin. (1986). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Longman Sdn. Bhd.
- Moasa Daia. (1992). *Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Johor Bharu: Badan Book Store Sdn. Bhd.
- Nor Nazirawati @ Nur Izzati Bt Anang (2004) *Jawi Pro Tutor*. Tesis tidak diterbitkan. Kolej Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norma Hassan (2004). *Hubungan Di Antara Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dengan Minat Pelajar Tahun Lima Di Sekolah Kebangsaan Kem, Pengkalan Chepa, Kelantan*. Satu kajian. Tesis Ijazah Sarjana Muda, UPSI.
<http://www.slideshare.net/hudaliciouss/hubungan-di-antara-penggunaan-bahan-bantu-mengajar-dengan-minat-pelajar-tahun-lima-di-sekolah-kebangsaan-kem-pengkalan-chepa-kelantan>. Dimuat turun pada 17 Februari 2012.
- Shahril Marzuki. (2005). *Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan: Kajian di beberapa Sekolah Menengah di Malaysia*
<http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/seminarpapers//shahrilUM.pdf>. Dimuat turun pada 15 September 2012.
- Woolnough, B. E. (1994). *Effective Science Teaching*. Buckingham: Open University Press